

BAB III
TINJAUAN AM PT. ASURANSI TAKAFUL UMUM JAKARTA
INDONESIA

3.1 Sejarah PT. Asuransi Takaful Umum

Insurans konvensional telah mendapat tentangan oleh para ulama atau cendekiawan Islam dengan beberapa alasan. Pertama insurans konvensional adalah kontrak pertaruhan. Kedua insurans konvensional perjudian semata-mata. Ketiga insurans konvensional melibatkan perkara yang tidak pasti. Keempat syarikat insurans konvensional melaburkan wang caruman dalam *ribā* bentuk faedah. Kelima bahawa semua perniagaan konvensional berdasarkan *ribā* yang dilarang dalam Islam. Oleh yang demikian, para ulama menentang keras terhadap insurans konvensional.¹

Jawatankuasa Fatwa Malaysia tarikh 15 Jun 1972 menerbitkan keputusan yang menetapkan bahawa praktik insurans jiwa di Malaysia hukumnya menurut Islam adalah haram. Selari dengan itu, Jawatan Kuasa Kecil Malaysia dalam kertas kerjanya yang bertajuk “Ke Arah Insurans Secara Islami Di Malaysia” menyatakan bahawa insurans masa kini mengikuti cara pengelolaan barat dan sebahagian operasinya tidak sesuai dengan ajaran Islam.²

Atas landasan itulah, maka difikirkan dan dirumuskan bentuk insurans yang boleh terhindar dari ketiga unsur yang diharamkan Islam itu. Berasaskan hasil analisis terhadap hukum Islam, bahawa terdapat nilai-nilai substantif yang terkandung dalam praktik insurans sesuai dengan ajaran Islam. Insurans yang

¹ Mohammad Muslehuddin (1995), *Mengugat Asuransi Modern : Mengajukan Alternative Baru Dalam Perspektif Hukum Islam*. (terj.), c.1. Jakarta: Lentera., hh. 145-146.

² http://www.e-fatwa.gov.my/jakim/keputusan_view.asp?keyID=96 , capaian 21 April 2010.

termuat dalam substantif hukum Islam itu boleh menghindarkan insurans daripada unsur *gharar*, *maysir* dan *ribā*.

Pada tahun 70-an di beberapa negara Islam atau di negara-negara yang majoriti penduduknya Muslim muncul insurans yang prinsip dan operasinya berpanduan pada nilai-nilai Islam dan terhindar dari ketiga unsur yang diharamkan Islam. Pada tahun 1979 lahirlah Islamic Insurance Co.Ltd. di Sudan dan Islamic Insurance Co.Ltd. di Arab Saudi. Pada tahun 1983 lahir pula *Dār al-Māl al-Islami* di Genewa dan Takaful Islami di Luxumburg, Takaful Islam Bahamas di Bahamas, dan Takaful Islami di Bahrain. Di Malaysia telah berdiri Syarikat Takaful Sendirian Berhad pada tahun 1984.³

Di Indonesia Takaful wujud pada tahun 1994 seiring dengan kewujudan rasmi PT. Asuransi Takaful Keluarga dan PT. Asuransi Takaful Umum pada tahun 1995. Pemilik saham dari kedua syarikat insurans tersebut adalah PT. Asuransi Takaful Indonesia. Sedangkan saham-saham PT. Asuransi Takaful Indonesia, sebagai *holding company*, dimiliki oleh PT. Abdi Bangsa, PT. Bank Muamalat Indonesia, organisasi Islam dan para korporat muslim.⁴

Gagasan dan pemikiran mendirikan insurans Islam di Indonesia itu sebenarnya telah muncul sejak lama dan pemikiran tersebut lebih kuat pada saat dirasmikannya operasi Bank Muamalat Indonesia pada tahun 1991. Gagasan awal penubuhan insurans Islam di Indonesia berasal dari Ikatan Cendekiawan Muslim se-Indonesia (ICMI) melalui Yayasan Abdi Bangsa. Gagasan ICMI itu kemudian disambut dan diteruskan secara bersama-sama oleh PT. Abdi Bangsa, PT. Bank Muamalat Indonesia dan PT. Asuransi Tugu Mandiri. Pada tanggal 27 Julai 1993 ICMI bersama tiga syarikat tersebut kemudian bersepakat untuk

³ Ahmad Azhar Basyir (1996), "Takaful Sebagai Alternatif Asuransi Islam", *jurnal Ulumul Qur'an*. Nombor 2/VII/1996, hh. 15-21.

⁴ Karnaen A. Purwaatmaja (1996), *op cit.*, h. 241.

pendirian insurans Islam di Indonesia dengan menyusun Tim Pembentukan Asuransi Takaful Indonesia (TEPATI).⁵

TEPATI itulah yang kemudian menjadi perumus dan merealisasikan dari penubuhan Asuransi Takaful Indonesia (ATI) dengan mendirikan PT. Asuransi Takaful Keluarga (Asuransi Jiwa) dan PT. Asuransi Takaful Umum (Asuransi Kerugian).⁶ Langkah awal yang dilakukan TEPATI dalam membentuk Asuransi Takaful Indonesia adalah melakukan kajian ke Syarikat Takaful Malaysia Sendirian Berhad di Malaysia pada tarikh 7 hingga tarikh 10 September 1993. Hasil kajian itu kemudian diseminarkan di Jakarta pada tarikh 19 Oktober 1993 yang mencadangkan untuk segera dibentuk Asuransi Takaful Indonesia. Langkah selanjutnya, TEPATI merumuskan dan menyusun konsep takaful serta mempersiapkan segala sesuatu yang diperlukan untuk mendirikan sebuah syarikat insurans.⁷

Pada akhirnya, Asuransi Takaful Indonesia berdiri secara rasmi pada tarikh 25 Ogos 1994. Penubuhan ini dilakukan di Puri Agung Room Hotel Syahid Jakarta. Izin operasi insurans ini diperoleh dari Departemen Kewangan melalui Surat Keputusan Nombor: Kep-385/KMK.017/1994 tarikh 4 Ogos 1994.⁸

3.2 Visi dan Misi

Visi takaful adalah untuk dikenal dan diperhitungkan sebagai lembaga kewangan syariah kebanggaan umat dan bangsa. Operasi takaful dilaksanakan atas dasar prinsip-prinsip syariah yang bertujuan memberikan perkhidmatan dan

⁵T.p. (1996), "Syarikat Takaful Indonesia", *jurnal Ulumul Qur'an*. Nombor 2/VII/1996, h . 36.

⁶ Penubuhan kedua-dua syarikat insurans ini dimaksudkan untuk memenuhi ketentuan UU Nombor 2 Tahun 1992 tentang Usaha Perasuransian. Dalam undang-undang tersebut, disebutkan bahawa syarikat insurans jiwa dan syarikat insurans umum mesti ditubuhkan dan pengaturannya berasingan.

⁷ Profil PT. Asuransi Takaful Umum.

⁸ Laporan Kewangan PT. Asuransi Takaful Umum tahun 2005-2006.

layanan yang terbaik bagi umat dan masyarakat Indonesia. Takaful akan senantiasa berjuang dan mengembangkan untuk menjadi syarikat yang terkemuka. PT. Asuransi Takaful Umum pada tahun-tahun berikutnya memiliki jaringan usaha yang luas dengan didukung oleh teknologi yang berorientasi masa depan serta bertumpu pada optimum mengerahkan seluruh kekuatan dalaman dan luaran.

Misinya adalah meningkatkan kerjasama dan keterlibatan umat, dalam rangka mewujudkan Institusi kewangan syariah yang kuat dan istiqamah. Dari visi dan misi yang dijalankan syarikat semua kegiatan bertujuan untuk memberi pelayanan yang terbaik, amanah, dan profesional kepada umat Islam dan bangsa Indonesia.⁹

3.3 Prinsip Dasar

Berbicara mengenai eksistensi syarikat tidak lepas dari prinsip dasar yang melekat di dalamnya. Perkembangan syarikat senantiasa berubah bersama prinsip yang dijadikan pedoman untuk mengendalikan urusan niaga asuransi syariah. Prinsip dasar yang dipegang teguh merupakan asas kuat PT. Asuransi Takaful Umum dalam menjalankan urusan niaga asuransi syariah.

PT. Asuransi Takaful Umum memiliki prinsip yang bersifat komplementatif, yakni saling bertanggung jawab, saling bekerjasama, dan saling membantu, serta saling melindungi penderitaan satu sama lainnya. Prinsip ini senada dengan anjuran Islam yang sangat menganjurkan umatnya untuk saling tolong menolong, saling bertanggungjawab, saling menanggung satu dengan yang lainnya atas musibah yang dihadapi saudaranya.¹⁰ Di samping unsur prinsip dasar

⁹ Profil PT. Asuransi Takaful Umum.

¹⁰ Ahmad Azhar Basyir (1996), *op.cit.*, h. 15.

tersebut, terdapat tiga unsur prinsip yang signifikan, yaitu menafikan unsur *gharar*, *maysir*, dan *ribā*.

Berikut prinsip-prinsip dasar PT. Asuransi Takaful Umum ;

3.3.1 Saling Bertanggungjawab

Tanggungjawab merupakan suatu kekuatan moral setiap individu. Individu dengan tanggungjawab yang tinggi akan menuai penghormatan dari orang-orang di sekitarnya. Dengan tanggungjawab yang tinggi pula perhatian antara individu dengan individu yang lain akan semakin meningkat.

Dalam operasi PT. Asuransi Takaful Umum mengimplementasikan prinsip di satu sisi PT. Asuransi Takaful Umum bertanggungjawab terhadap dana yang diamanahkan oleh pelanggan. Di sisi lain pelanggan-pelanggan asuransi turut memiliki tanggungjawab bersama untuk membantu dan menolong yang lain kerana terkena musibah atau kerugian. Rasa tanggungjawab pelanggan dengan pelanggan mengindikasikan suatu faktor signifikan, iaitu faktor yang mengeratkan rasa persatuan dan persaudaraan serta saling mengukuhkan suatu komuniti.

Prinsip ini selari dengan ajaran Islam yang menganjurkan untuk tidak memperhatikan diri sendiri semata, akan tetapi turut memperhatikan kepentingan orang ramai. Digambarkan bahawa dalam kehidupan masyarakat antara orang mukmin dengan mukmin yang lain ibarat satu bangunan. Hal ini selari dengan hadis Nabi:

عَنْ أَبِي مُوسَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
أَلُمُّؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبَدَنِ طَيِّبٍ يَشْرُدُ بِعَضْوِهِ بَعْضًا . رواه مسلم .

Dari Abi Musa ra. Berkata bahawa Rasulullah SAW. Bersabda: Mukmin yang satu dengan mukmin yang lain adalah seperti satu bangunan bahagian yang satu menguatkan bahagian yang lain. (HR. Muslim).¹¹

3.3.2 Saling Bekerjasama dan saling membantu

Sikap saling bekerjasama dan membantu merupakan sikap teladan yang patut diterapkan. Sikap ini patut dikekalkan untuk menciptakan suasana yang harmonis. Manfaat dari sikap ini akan dapat mengurangi kesukaran yang dihadapi.

Begitu pula halnya dengan insurans, sikap saling bekerjasama ini diimplementasikan oleh pelanggan yang satu dengan yang lainnya dalam hal mengatasi kesukaran yang dialami kerana faktor musibah, bencana, atau kerugian. Selari dengan hal di atas, Islam juga menganjurkan sikap saling bekerjasama dan tolong-menolong dalam rangka kebajikan dan takwa. Firman Allah SWT.

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ
وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Ertinya: Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertaqwalah kepada Allah, kerana Sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).
Surah al-Mā'idah (5): 2.

¹¹ Imam Muslim (t.t.), *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Birr wa al-Ṣillah wa al-Adab, Bāb Tarāḥim al-Mu'minīn wa Ta'atufihim wa Ta'ādudihim*, j. 2, no. 6528 Beirut: Dār al-Ma'ārif, h. 355. Hadis dari Abī Bardah dari Abī Mūsā.

3.3.3 Saling Melindungi Penderitaan

Penderitaan akan menimpa setiap manusia di dunia. Penderitaan yang telah terjadi merupakan takdir dan harus dijalani. Manusia tidak boleh menghindar dari takdir tersebut. Manusia sebagai makhluk berakal memiliki keharusan untuk memberi perhatian atas derita orang lain. Perlindungan akan mengurangi beban derita yang dialami oleh seseorang atau kelompok. Takaful turut meringankan suatu derita atau kerugian pelanggan-pelanggan. Di sisi lain pelanggan-pelanggan takaful akan berfungsi sebagai pelindung bagi pelanggan lain yang mengalami musibah.

Perlindungan itu dapat berupa material mahupun dukungan moral. Berkaitan dengan hal di atas, Firman Allah :

الَّذِي أَطْعَمَهُمْ مِنْ جُوعٍ وَءَامَنَهُمْ مِنْ خَوْفٍ ﴿٤﴾

Ertinya: Tuhan Yang memberi mereka penghidupan: menyelamatkan mereka dari kelaparan, dan mengamankan mereka dari ketakutan.

Surah al-Quraisy (106): 4.

3.3.4 Penafian Unsur *Gharar*, *Maysir*, dan *Riba*

1. Gharar

Gharar bererti tipu muslihat, dalam rujukan hukum Islam tertera adanya larangan jual beli atau transaksi yang bersifat *gharar* yang bererti adanya penipuan satu pihak yang menyebabkan ketidakpastian terhadap peristiwa yang akan terjadi. Rasulullah SAW bersabda :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ نَهَى عَنْ بَيْعِ الْغَرَرِ. (رواه المسلم)

Dari Abi Hurairah RA. Ia berkata Rasulullah s.a.w telah melarang jual beli *gharār* (HR. Muslim).¹²

Letak ketidakjelasan ini termaktub pada bentuk akad yang melandasi akad pertanggungan dan asal sumber dana pembayaran pampasan serta keabsahan syariat penerima wang itu.

Dalam insurans konvensional, tidak diketahui secara pasti ada besar kecilnya jumlah manfaat yang akan diterima. Di samping itu, tidak ada jumlah yang pasti berapa pampasan yang dibayarkan.

Di tinjau dari segi akad, insurans konvensional menggunakan akad *tabaduli* (pertukaran), iaitu pertukaran antara caruman dengan wang pampasan. Dilihat dari sumber dana, terdapat ketidakjelasan yang cukup signifikan. Hal ini disebabkan wang pampasan yang diterima pelanggan secara berterusan tanpa ada keterangan antara pelanggan dengan syarikat secara terperinci. Pelanggan pun tidak mengetahui besaran jumlah wang pampasan yang diterima. Fenomena ini lazim terjadi di insurans konvensional sebab mekanisme perhitungannya di luar pengetahuan pelanggan. Inilah yang membezakan dengan insurans syariah, dana pelanggan akan dikembangkan oleh syarikat, kerana pada insurans konvensional dana pelanggan adalah milik syarikat.

Hal ini akan jauh berbeza pada aplikasi takaful. Dalam takaful, akad yang melandasinya akad *takāfulī*, iaitu saling menanggung dan menolong (*ta'āwun*) antara pelanggan. Mereka memberikan perlindungan jika terjadi kemalangan di antara para pelanggan. Konsep

¹² Imam Muslim (t.t.), *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Buyū'*, j. 3, no. 1513, Beirut: Dār al-Ma'ārif, hh. 84-85.

saling menanggung dan menolong ini berasaskan nilai kebajikan. Dalam erti dana caruman pelanggan disumbangkan berkisar antara 5% dari dana caruman.¹³ Wang caruman takaful dikumpulkan dalam satu kumpulan wang untuk selanjutnya dilaburkan dalam projek-projek mahupun pembiayaan-pembiayaan yang sesuai dengan syariah.

Keuntungan dari hasil pelaburan akan dikumpulkan dalam akaun pelanggan, jika terjadi malapetaka atau bencana atas harta benda pelanggan, maka syarikat takaful akan memberikan wang pampasan kepada pelanggan tersebut, dengan mengambil dana dari kumpulan wang seluruh pelanggan takaful umum.

Biaya-biaya yang di perlukan oleh syarikat takaful juga diambilkan dari wang kumpulan seluruh pelanggan juga, jika masih kelebihan dana, akan dibahagikan kepada pelanggan dan syarikat takaful menurut prinsip *muḍārabah*.¹⁴

Sebagaimana termaktub dalam akad takaful, apa-apa keuntungan yang diperoleh itu akan dibahagikan dan kongsiikan di antara pelanggan dan syarikat takaful. Dengan kata lain, tata cara kendalian takaful menyebabkan kumpulan wang takaful terdedah kepada prinsip baki sifar.

Sesungguhnya pendedahan kepada prinsip baki sifar ini dapat diatasi dengan cara pembentukan rizab-rizab tertentu. Biasanya untuk menjalankan aktivitas perniagaan, pihak yang mengurus amat dituntut supaya memperuntukkan dana untuk rizab. Rizab banyak fungsinya.

¹³ Muhammad Syafi'i Antonio(1997), "Asuransi dalam Perspektif Islam ", dalam Mustafa Kamal, *Wawasan Islam dan Ekonomi*. Jakarta: Lembaga Penerbitan Fakultas Ekonomi Universita Indonesia, h. 254.

¹⁴ *Ibid.*, h. 261.

Sebagai simpanan dan rizab boleh digunakan bagi menampung bagi apa-apa kekurangan kumpulan wang.¹⁵

2. Maysir

Maysir bererti judi, taruhan, spekulasi. Para ulama fiqh mendefinisikan sebagai permainan dengan aturan main pemenang akan memperoleh hasil dari pihak yang dikalahkan.¹⁶ Dalam firman Allah SWT dengan tegas mengingatkan

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِنَّمَا اَلْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْاَنْصَابُ
وَالْاَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطٰنِ فَاَجْتَنِبُوْهُ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُوْنَ ﴿٩٠﴾

Ertinya: Wahai orang-orang Yang beriman! Bahawa Sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib Dengan batang-batang anak panah, adalah (Semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

Surah al-Ma'idah (5): 90.

Maysir memiliki erti satu pihak mengalami untung namun pihak lain mengalami kerugian. Unsur ini terletak pada hilang atau tidaknya dana caruman pelanggan sebelum masa *refersing period* atau bila pelanggan membatalkan kontrak kerana suatu hal tertentu. Dalam insurans syariah, ia tidak kehilangan seluruh dananya carumannya sebagaimana terjadi pada insurans konvensional. Namun ia tetap mendapatkan wang caruman dengan dikurangi dana *tabarru'* dan masa yang telah dijalani adapun masa yang belum dijalani carumannya akan

¹⁵ Mohd Fadzli Yusof (1996), *Takaful Sistem Insurans Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributors Sdn Bhd, hh. 20-21.

¹⁶ Husain Hamid Hissan (1996), *Asuransi dalam Hukum Islam*, Jakarta: CV firdaus Jakarta, h. 70.

dikembalikan. Selain itu pelanggan juga memungkinkan untuk mendapat tambahan hasil keuntungan pelaburan.¹⁷

3. Ribā

Ribā bermakna tambah. *Ribā* bererti penambahan atas harta asas tanpa adanya transaksi urus niaga.¹⁸ Firman Allah

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالِكُمْ بَيْنَكُمْ
بِالْبَطْلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجْرَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا
تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

Ertinya: Wahai orang-orang Yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu Dengan jalan Yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali Dengan jalan perniagaan Yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.

Surah al-Nisa' (4): 29.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا
مُّضَاعَفَةً ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٣٠﴾

Ertinya: Wahai orang-orang Yang beriman! janganlah kamu makan atau mengambil *ribā* Dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya.

Surah Ali Imran (3): 130.

Dalam mengelola sejumlah dana caruman yang terkumpul insurans konvensional menggunakan prinsip yang bertentangan hukum Islam kerana melakukan usaha dan pelaburan yang berasaskan faedah.

¹⁷ Muhammad Syafi'i Antonio (1997), *op.cit.*, h. 254.

¹⁸ Husain Hamid Hissan (1997), *op.cit.*, h. 75.

Hal ini lazim dilakukan kerana seluruh dana caruman dilaburkan ke lembaga kewangan yang menerapkan prinsip faedah yang dalam hukum Islam mengandungi unsur *ribā*. Lain halnya dengan Insurans syariah akan menyimpan dan melaburkan pada lembaga kewangan dengan prinsip syariah seperti Bank Muamalah Indonesia (BMI), Bank Perkreditan Rakyat (BPRS), dan Reksa Syariah dan lain-lain. Dengan demikian praktik pentadbiran yang dilakukan PT. Asuransi Takaful Umum adalah berasaskan syariat Islam. Ini kerana para ulama fiqh telah membuat kajian yang mendalam tentang insurans sebagai suatu bentuk perlindungan dari segala kemungkinan malapetaka dan bencana yang sesuai dengan syari'at, yakni melalui konsep takaful.¹⁹

3.4 Struktur Organisasi

Dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik (*service excellent*) kepada pelanggan, PT. Asuransi Umum menerapkan sistem pentadbiran yang profesional serta disokong oleh tenaga ahli yang memiliki komitmen untuk menanggung amanat dari syarikat. Pentadbiran yang dijalankan diatur dengan profesional mulai dari pemegang saham, dewan komisaris,²⁰ dengan pengawas syariah, dewan direksi²¹ dan sampai pada tingkat kakitangan.

Jadual 3.1 Pemegang saham PT. Asuransi Takaful Umum sebagai berikut:

Nama Pemegang Saham	Jumlah Saham (lembar)	Peratusan	Nilai Nominal
PT. Syarikat Takaful Indonesia	26,335	99.53%	26,335,000,000
Koperasi Karyawan Takaful	125	0.47%	125,000,000
	26,460	100.00%	26,460,000,000

Sumber : Laporan Kewangan PT. Asuransi Takaful Umum Indonesia tahun 2005-2006

¹⁹ Muhammad Syafi'i Antonio (1997), *op.cit.*, h. 255.

²⁰ Di Malaysia selalunya disebut sebagai Lembaga Pengarah.

²¹ Di Malaysia selalunya disebut sebagai Pengurusan Syarikat.

Adapun Dewan Pengawas Syariah, Dewan Komisaris, Dewan Direksi, dan Dewan Divisi Syariah PT. Asuransi Takaful Umum terdiri dari praktisi yang ahli di bidang masing-masing, antara lain:²²

Dewan Pengawas Syariah	:	K.H. Dr. Didin Hafidhuddin, MS.
	:	Prof. Madya Sobri bin Salamon
	:	H.M. Syafi'i Antonio, M.Sc. Ph.D
	:	Prof. Dr. Fathurahman Djamil, MA.
	:	Y.A.A. Dato' Sheikh Ghazali Abd. Rahman
Dewan Komisaris:		
Komisaris Utama	:	Taib Rasak
Komisaris Independen	:	Sanubari Satudju
Komisaris	:	Bachrum M. Nasution
	:	Wan Zamri Wan Ismail
Direksi:		
Direktur Utama	:	Shakti Agustono Rahardjo
Direktur	:	Ma'ad Santani

3.5 Produk-produk yang dihasilkan oleh PT. Asuransi Takaful Umum Jakarta

Sebagai syarikat yang bergerak di bidang perkhidmatan, PT. Asuransi Takaful Umum berupaya untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Perkhidmatan tersebut tersusun dalam rangkaian jenis produk takaful yang dimilikinya. Setiap produk memiliki manfaat dan ketentuan yang berbeza satu dengan yang lain. PT. Asuransi Takaful Umum menghasilkan berbagai-bagai jenis produk takaful berupa produk perorangan dan produk takaful kumpulan.

Berikut dipaparkan rangkaian jenis produk takaful berserta definisi, manfaat dan ketentuan masing-masing produk.

²² Laporan Kewangan PT. Asuransi Takaful Umum Indonesia tahun 2005-2006.

3.5.1 Produk Takaful Baituna

Program takaful yang melindungi rumah dari kebakaran yang dilengkapi dengan perangkat perlindungan ekstra untuk semua ahli keluarga.

1. Objek Insurans dalam produk ini :
 - a. Rumah kediaman dan pejabat
 - b. Rumah kediaman dan kedai

Total harga objek insurans yang meliputi harga bangunan, isi rumah, stok dan lain-lain. Produk ini mempunyai dua pakej, iaitu Pakej Standard dan Pakej Istimewa. Pakej Standard memberikan manfaat utama yang diperluas dengan manfaat tambahan standard. Takaful Baituna manfaat utamanya memberikan ganti rugi terhadap risiko-risiko yang dijamin dalam Polisi Standard Insurans Kebakaran Indonesia meliputi Kebakaran, Ledakan, Kejatuhan Pesawat Terbang.

2. Pakej Istimewa memberikan manfaat tambahan standard, di antaranya adalah
 - a. Renovasi
 - b. Manfaat Pemberian Biaya Wang Sewa
 - c. Insiden Diri dan Derma Biaya Penguburan
 - d. Tanggung Jawab Hukum dan Biaya Bantuan Hukum
 - e. Kerusuhan, Pemogokan, Penghalang Bekerja, Perbuatan Jahat, Pencegahan dan Pergaduhan
 - f. Biaya Pembersihan
 - g. Biaya Arkitek dan Konsultan Teknik
 - h. Penambahan Harga Pertanggungans setiap hari secara automatik

3. Manfaat tambahan pilihan adalah
 - a. Gempa Bumi, Letusan Gunung Berapi, Sunami
 - b. Banjir, Angin Ribut, Badai, dan Kerosakan akibat air
 - c. Pengganas, Sabotaj.²³

3.5.2 Produk Takaful Surgain

Iaitu produk takaful yang memberikan perlindungan terhadap kerugian kewangan dan derma akibat kemalangan yang mengakibatkan meninggal dunia, menderita cacat badan dan atau biaya perkuburan pelanggan.²⁴

3.5.3 Produk Takaful Abror

Produk Takaful yang menggantikan kerugian atas kenderaan bermotor yang disebabkan musibah kemalangan, perompakan serta tanggung jawab hukum kepada pihak ketiga.

1. Kenderaan Bermotor yang diperkenankan:
 - a. Penggunaan kenderaan bermotor : individu
 - b. Jenis kenderaan bermotor : Sedan, Jip, Van dan Lori
 - c. Usia kenderaan : 0-7 tahun
2. Prosedur Umum Wang Pampasan Kenderaan Bermotor
 - a. Melaporkan pampasan paling lambat 3 x 24 jam (hari kerja) sejak kejadian.
 - b. Pelaporan dapat secara lisan, melalui telefon atau melalui surat, ditujukan pada bagian pengurusan pampasan PT. Asuransi Takaful Umum terdekat.

²³ Brosur Produk Takaful Umum Jakarta.

²⁴ *Ibid.*

- c. Membawa dokumen berupa photo copy bukti lunas caruman, photocopy SIM (lessen) memandu, photocopy STNK (roodtex), serta photocopy caruman insurans Kenderaan Bermotor.
- d. Untuk kes yang membabitkan pihak ketiga kes pencurian mesti dilengkapi surat Laporan Polis setempat.
- e. Dalam keadaan darurat dan kejadian di luar jam kerja, dapat menghubungi Kedai Motor Rakanan terdekat.

3.5.4 Produk Takaful Rekayasa

Produk takaful yang mengganti kerugian atas kehilangan atau kerosakan dalam sebuah projek rekayasa (konstruksi dan atau pemasangan), peralatan dan mesin akibat kejadian yang tiba-tiba dan tidak terduga sehingga menyebabkan kerugian kepada Pelanggan (kontraktor atau pemilik peralatan).

3.5.5 Produk Takaful Aneka

Program takaful ini menggantikan kerugian atas berbagai macam risiko.

1. Takaful Insiden Diri (Takaful Personal Accident): Insurans yang memberikan wang derma dan biaya perawatan terhadap pelanggan yang mengalami insiden, sehingga pelanggan meninggal dunia atau cacat tetap.
2. Takaful Penyimpanan atau Pengangkutan Wang: Insurans yang memberikan perlindungan terhadap risiko-risiko yang dapat menyebabkan kehilangan atau kerugian wang selama pengangkutan.
3. Takaful peralatan pejabat: Insurans yang memberikan perlindungan terhadap risiko-risiko yang dapat menyebabkan kehilangan/kerugian peralatan pejabat seperti perkakas pejabat, komputer, lap top dan sebagainya.

4. Takaful Kebongkaran: Insurans yang memberikan perlindungan terhadap risiko kebongkaran yang menyebabkan kehilangan/kerugian harta benda dalam lokasi tertentu.
5. Takaful Alat Berat (*Takaful Heavy Equipment*): Insurans yang memberikan perlindungan terhadap risiko-risiko yang dapat menyebabkan kehilangan/kerugian alat berat yang sedang dipergunakan seperti Traktor, Buldozer, Crane dan sebagainya.
6. Takaful Tuntutan Ganti Rugi Pihak ke III: Insurans yang memberikan perlindungan kepada pelanggan terhadap tuntutan ganti rugi dari pihak ketiga yang timbul sebagai kesalahan/kelalaian aktiviti pelanggan yang menyebabkan pihak ketiga mengalami kerugian harta benda (*Property Damage*) mahupun insiden diri (*Bodily Injury*).
7. Takaful Jaminan Ketidak jujur (*Fidelity Guarantee Insurance*): Insurans yang memberikan jaminan kerugian akibat kehilangan, penggelapan dan penyelewengan dan ketidak jujur yang dilakukan oleh pegawai syarikat pelanggan.
8. Takaful Lain Sesuai keperluan (*Tailor-Made Insurance*): Produk-produk dari PT. Asuransi Takaful Umum, sama ada yang menggunakan polisi standard mahupun akan disesuaikan dengan keperluan dari para pelanggan PT. Asuransi Takaful Umum sama ada perseorangan mahupun syarikat. Produk-produk takaful ini antara lain seperti: Takaful Annisa (*Female Insurance*).

3.5.6 Produk Takaful Kebakaran

Program takaful yang mengganti kerugian atas kerusakan atau kehilangan bangunan Jenis Polisi yang tersedia

1. Polisi Standar Asuransi Kebakaran Indonesia (PSAKI)

Mengganti kerugian atas kerusakan harta benda dan atau kepentingan yang diinsuranskan akibat risiko yang ditimbulkan oleh musibah kebakaran, ledakan, petir, kejatuhan pesawat terbang yang berasal dari harta benda yang dipertanggungkan.

2. Produk Takaful Pengangkutan dan Rangka Kapal

Produk takaful yang mengganti kerugian pada barang atau alat pengangkutan selama dalam pengangkutan.

3.5.7 Takaful Pengangkutan dan Rangka Kapal

Program Takaful yang mengganti kerugian, kerusakan atau kehilangan objek asuransi selama dalam pengangkutan dari tempat asal sampai ke tempat tujuan. Risiko-risiko yang dapat dijamin dalam Takaful Pengangkutan seperti: kebakaran, peledakan, kapal atau alat angkut kandas, terdampar, tergelincir, atau terbalik dan lain-lain sebagaimana yang diatur dalam polis Takaful Pengangkutan.

Takaful Pengangkutan memberikan bermacam-macam program sesuai dengan jenis pengangkutan:

1. Takaful Pengangkutan Laut
2. Takaful Pengangkutan Darat
3. Takaful Pengangkutan Udara
4. Takaful Pengangkutan Antar Pulau.

3.5.8 Takaful Kendaraan Bermotor

Program Takaful yang mengganti kerugian baik kehilangan atau kerusakan secara menyeluruh dan tuntutan pihak ketiga atas setiap kendaraan bermotor yang terdaftar akibat risiko-risiko seperti kemalangan, terbalik, pencurian, kebakaran dan sebab lainnya.

1. Jenis kendaraan bermotor yang dapat diasuransikan:
 - a. Kendaraan Bermotor Pengangkutan Penumpang
 - b. Kendaraan Pengangkut Barang
 - c. Bus Awam
 - d. Motorsikal

3.5.9 Takaful Surety Bond

Program takaful yang mengganti kerugian tanpa syarat dan tanpa jaminan pengembalian kepada pemilik, terhadap prestasi kontraktor dalam:

1. Takaful Jaminan Pelaksanaan

Program Takaful yang mengganti kerugian tanpa syarat dan tanpa jaminan pengembalian kepada pemilik, akibat ketidak sesuaian kontraktor dalam memenuhi kewajiban sesuai kontrak dalam periode yang telah ditentukan atau sesuai dengan spesifikasi lain yang tercantum dalam kontrak.

2. Takaful Jaminan Pemeliharaan

Program Takaful yang mengganti kerugian pemilik akibat kegagalan kontraktor dalam melaksanakan pemeliharaan projek yang telah selesai sesuai dengan kondisi kontrak selama masa pemeliharaan.

3. Takaful Jaminan Uang Deposit

Program Takaful yang mengganti kerugian akibat ketidak sanggupannya kontraktor untuk mengembalikan uang deposit yang telah diterima dari pemilik sesuai dengan ketentuan kontrak.²⁵

3.6 Akad Pertanggungjawaban di PT. Asuransi Takaful Umum

Sebagaimana syarikat-syarikat insurans yang lainnya, PT. Asuransi Takaful Umum memberikan perkhidmatan perlindungan kepada pelanggan-pelanggannya atas harta benda yang dijangkakan akan mengalami musibah. Atas risiko yang ditanggung oleh syarikat insurans, pelanggan berkewajipan memberikan sejumlah wang caruman kepada syarikat insurans sesuai tingkat risiko yang dihadapi.

Dalam praktiknya, PT. Asuransi Takaful Umum akan memberikan wang pampasan manakala perkara yang dilindungi mengalami musibah sebagaimana yang telah disepakati.²⁶

PT. Asuransi Takaful Umum dan pelanggan dalam melakukan akad insurans tertakluk pada kitab undang-undang hukum perdata (KUHP) terkait pada kesahihan pemenuhan rukun-rukun dan syarat-syarat perjanjian.²⁷

Dalam kitab undang-undang hukum perdata (KUHP) disebutkan bahawa setiap perjanjian termasuk perjanjian insurans mesti memenuhi syarat-syarat umum perjanjian, iaitu:

1. Kesepakatan untuk mengikatkan diri
2. Kecakapan untuk membuat suatu perikatan

²⁵ Takaful Indonesia data produk, [http : // takaful.com /index.php/ produk / list /sglssid](http://takaful.com/index.php/produk/list/sglssid), 16 Jun 2007.lihat juga, Brosur Produk Takaful Umum Jakarta.

²⁶ Dian Sofyan, Pengembangan Sumberdaya Manusia PT. Asuransi Takaful Umum. Temu bual pada 23 jun 2008

²⁷ Kitab Undang-undang Hukum Perdata, iaitu sekumpulan akta-akta yang menjadi rujukan Undang-undang berkaitan dengan urusan individu-individu.

3. Suatu hal tertentu
4. Suatu sebab yang halal (dibenarkan)²⁸

Menurut as-Sayyid Sabiq, syarat sahnya suatu perjanjian adalah:

1. Tidak menyalahi hukum syariah yang disepakati adanya.
2. Harus sama-sama rida dan ada pilihan kerana sesungguhnya dalam melakukan perjanjian tidak boleh ada paksaan.
3. Harus jelas dan tidak tersembunyi, sehingga tidak diinterpretasikan kepada suatu pemaknaan yang boleh menimbulkan ke tidak fahaman pada suatu penerapan.²⁹

Secara praktiknya, berakhirnya perjanjian takaful harus mengikuti aturan-aturan umum yang berlaku. Aturan-aturan tersebut di antaranya:

1. Mengisi borang

Hal-hal yang perlu diisi dalam borang permintaan ikut menjadi pelanggan insurans adalah:

- a. Data atau identiti pemohon (pelanggan takaful)
- b. Keterangan mengenai objek yang akan dipertanggungkan
- c. Menyetujui adanya sistem perkongsian untung
- d. Keterangan tentang ahli waris pelanggan insurans.

2. Sepakat Terhadap Isi Polisi

Dengan memperhatikan syarat pertama, iaitu setelah pelanggan mengisi daftar borang, selanjutnya pelanggan segera membayar caruman yang sudah disepakati kepada pihak syarikat takaful.

Dalam perjanjian takaful, penulisan dan penanda tangan isi polisi merupakan adanya suatu bukti perjanjian antara pelanggan dengan syarikat.

²⁸R.Subekti dan R.Tjitro sudibio (1999), *Kitab Undang-Undang perdata*, Pasal 1320, Jakarta: Pratinya Prमित, h. 339.

²⁹ As-Sayyid Sabiq (1990), *Fiqh as-Sunnah*, Kairo: Dār al-Fatḥ li al-I'lām al-‘Arabī, jilid II, hh. 189-190.

Dan perjanjian dianggap sah secara hukum dan juga mulai berlaku pada saat polisi dibuat.

Polisi insurans merupakan akta perjanjian insurans yang akan dijadikan sebagai bukti berlangsungnya perjanjian insurans.

Adapun isi polisi takaful mengikut pada produk insurans yang dimohon. Misalnya polisi kenderaan bermotor atau polisi keselamatan gedung atas kebakaran. Namun secara umum berisikan:

- a. Nombor polisi (baru atau lanjutan)
- b. Nama dan alamat tertanggung
- c. Harga pertanggungan
- d. Risiko sendiri atau retensi sendiri setiap peristiwa
- e. Jangka waktu pertanggungan
- f. Keterangan objek yang dipertanggungkan
- g. Bentuk pertanggungan
- h. Pengiraan caruman
- i. Tempat dan tanggal pembuatan polisi berserta tanda tangan atas nama syarikat.

3. Mengetahui wang pampasan insurans

Salah satu pelaksanaan perjanjian insurans adalah adanya pemenuhan wang pampasan. Dalam takaful wang pampasan akan diberikan oleh syarikat kepada pelanggan apabila:

- a. Pelanggan mengalami musibah yang betul-betul terjadi.
- b. Pelanggan mengundurkan diri

4. Berakhirnya perjanjian

Jika perjanjian berakhir secara otomatis pemenuhan wang caruman akan segera dilakukan dan pelanggan akan memperoleh manfaat takaful.

Untuk mendapatkan wang pampasan maka diperlukan syarat-syarat yang mesti dipenuhi oleh pelanggan, iaitu:

Jika musibah betul-betul terjadi, maka dokumen yang diperlukan adalah:

- a. Polisi yang asli
- b. Bukti pembayaran terakhir
- c. Surat keterangan lain yang menerangkan bahawa musibah betul-betul terjadi.

Jika pelanggan mengundurkan diri, pelanggan hanya menyerahkan polisi aslinya saja dan

Jika perjanjian berakhir, maka yang diserahkan adalah:

- a. Polisi yang asli
- b. Bukti pembayaran
- c. Photocopy identiti.³⁰

3.7 Kesimpulan

Gagasan dan pemikiran mendirikan insurans Islam di Indonesia telah ada sejak lama dan pemikiran tersebut lebih kuat pada saat dirasmikannya operasi Bank Muamalat Indonesia pada tahun 1991. Gagasan awal penubuhan insurans Islam di Indonesia berawal dari Ikatan Cendekiawan Muslim se-Indonesia (ICMI) melalui Yayasan Abdi Bangsaanya. Gagasan ICMI itu kemudian diteruskan secara

³⁰ Takaful Indonesia FAQ, [http // takaful.com /index.php/faq / #7](http://takaful.com/index.php/faq/#7), 16 jun 2007

bersama-sama oleh PT. Abdi Bangsa, PT. Bank Muamalat Indonesia dan PT. Asuransi Tugu Mandiri. Pada tanggal 27 Juli 1993 ICMI bersama tiga syarikat tersebut kemudian bersepakat untuk pendirian insurans Islam di Indonesia dengan menyusun Tim Pembentukan Asuransi Takaful Indonesia (TEPATI).

TEPATI yang kemudian menjadi perumus dan merealisasikan dari penubuhan Asuransi Takaful Indonesia (ATI) dengan mendirikan PT. Asuransi Takaful Keluarga (Asuransi Jiwa) dan PT. Asuransi Takaful Umum.

PT. Asuransi Takaful Umum memiliki visi menjadi lembaga kewangan syariah yang bertujuan memberi perkhidmatan dan layanan yang terbaik untuk umat dan masyarakat Indonesia.

Produk-produk yang dihasilkan takaful baituna, takaful surgaina, takaful abror, takaful rekayasa, takaful aneka, takaful kebakaran, takaful pengangkutan dan rangka kapal, takaful kenderaan bermotor, takaful jaminan pemeliharaan, takaful jaminan wang deposit. Syarikat takaful akan memberikan wang pampasan manakala perkara yang diasuransikan mengalami musibah sebagaimana yang telah disepakati.